

LAMPIRAN A

SYARAT-SYARATPENYERTAAN KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERINGKAT JABATAN PERTANIAN TAHUN 2012

1. Penyertaan adalah dibuka kepada kumpulan KIK daripada semua Bahagian dan Negeri.
2. Setiap Bahagian/Negeri hanya dibenarkan menghantar dua kumpulan KIK yang terdiri daripada satu (1) kumpulan Kategori Pengurusan dan satu (1) kumpulan Kategori teknikal.
3. Kumpulan yang mengambil bahagian adalah merupakan kumpulan yang telah mempersembahkan projek mereka kepada pihak pengurusan di Bahagian/Negeri masing-masing pada tahun 2011/2012. Kumpulan tersebut hendaklah dipilih daripada kumpulan yang terbaik dikalangan kumpulan KIK di Bahagian/Negeri.
4. Projek kumpulan KIK yang ingin menyertai konvensyen mestilah projek semasa tahun 2011/2012.
5. Projek KIK tersebut hendaklah belum pernah dipersembahkan oleh kumpulan dalam mana-mana konvensyen peringkat Jabatan Pertanian pada tahun-tahun sebelumnya. **Projek kumpulan mestilah telah selesai dilaksanakan sebelum konvensyen pada tahun semasa.**
6. Penetapan kategori adalah berdasarkan jenis projek KIK yang dilaksanakan. Penganjur berhak menukar kategori penyertaan berdasarkan kesesuaian projek.
7. Pencalonan menyertai konvensyen hendaklah dibuat oleh Bahagian/Negeri masing-masing dengan menggunakan Borang Penyertaan seperti Lampiran B dan Borang Profil Pasukan seperti di Lampiran C bersama **dengan 4 salinan teks dan Cd berserta gambar kumpulan.** Gambar kumpulan hendaklah dikemukakan dalam bentuk softcopy (untuk tujuan penyediaan buku program).
8. Pencalonan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya sebelum atau pada **2 Julai 2012 (Isnin)** kepada Urusetia Konvensyen KIK Peringkat Jabatan Pertanian Tahun 2012 seperti alamat berikut:

**Urusetia Konvensyen KIK
Peringkat Jabatan Pertanian
Aras 13, Bahagian Pembnagunan Sumber Manusia
Wisma Tani, No 30, Persiaran Perdana, Presint 4,
62624 Putrajaya.
(u.p. : Puan Juliana Binti Megat).**

9. Minimum bilangan ahli bagi setiap kumpulan KIK yang mengambil bahagian dalam Konvensyen KIK adalah 4 orang dan 10 orang termasuk ketua kumpulan tetapi tidak termasuk fasilitator. Keahlian KIK terbuka kepada semua staf jabatan.
10. Pihak penganjur berhak menerima atau menolak penyertaan daripada mana-mana kumpulan KIK berdasarkan yang telah ditetapkan dan juga atas kuasa pertimbangan (sekiranya perlu).Keputusan pemilihan kumpulan-kumpulan yang menyertai konvensyen oleh pihak penganjur adalah muktamad.
11. Skema permarkahan adalah seperti **Lampiran D**.
12. Pihak penganjur Konvensyen KIK berhak untuk membuat sebarang pindaan terhadap mana-mana bahagian pada syarat-syarat penyertaan ini pada bila-bila masa tanpa perlu merujuk kepada peserta.

Urus Setia Konvensyen KIK 2012
Peringkat Jabatan Pertanian